



Headline: Mangsa rasa seperti dipukau sindiket
Publication/Portal: Harian Metro
Date: 30 September 2020

Language: Malay
Section: Lokal
Page: 13

Bangi: "Saya rasa macam dipukau apabila turut semua arahan pemanggil termasuklah melakukan pengeluaran wang daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)," kata mangsa penipuan Macau Scam mahu dikenali sebagai Rosnah, 55.

Rosnah berkata, dia dihubungi seorang wanita memperkenalkan diri sebagai pekerja di sebuah pejabat pos pada pertengahan Mac lalu sekitar jam 8 pagi.

Katanya, wanita terbabit memberitahu dia mempunyai tunggakan bil telefon talian tetap rumahnya sebelum mula bertanya mengenai perkara lain termasuk individu yang berada di dalam rumah ketika itu.

"Selepas itu, wanita berkenaan meminta saya memberikan nombor telefon bimbit supaya mudah untuk berurusan sebelum saya dihubungi seorang wanita mendakwa dari Balai Polis Seremban yang memaklumkan saya terbabit dengan kes pengubahan wang haram serta judi dalam talian sebelum panggilan terbabit disambungkan ke

Bukit Aman.

"Menurut pegawai polis itu, saya akan ditahan dan akaun bank dibekukan. Namun, pertuturan wanita itu ketika menyampaikan perkara terbabit sangat lembut dan tidak menyangka itu adalah penipuan serta menjadi sangat takut sehingga menangis.

"Sepanjang perbualan itu, dia ada bertanyakan mengenai jumlah keseluruhan simpanan dan saya bagai dipukau apabila memberitahu maklumat berkenaan," katanya ketika ditemui di rumahnya, di sini.

Rosnah berkata, akibat rasa takut dengan tekanan diberikan ejen sindiket terbabit, dia bergegas ke bank berhampiran rumahnya sebelum memindahkan wang ke dalam akaun diberikan mereka.

"Ketika kejadian, saya bersendirian di rumah memandangkan anak dan menantu sudah keluar

Mangsa rasa seperti **dipukau** sindiket

bekerja.

"Di bank, saya terus pergi ke bahagian mesin deposit wang (CDM) dan meminta pengawal keselamatan di sana mengajar saya memindahkan wang ke dalam akaun milik seorang lelaki seperti diarahkan.

"Saya memindahkan wang berjumlah RM30,000 ke dalam akaun itu melalui tiga transaksi berasingan. Sepanjang proses itu, saya mengelak berada dekat dengan individu lain kerana sudah diajar mereka (sindiket) supaya berbuat demikian," katanya.

Bagaimanapun, dia memaklumkan dirinya bagai tersedar daripada dipukau apabila tiba-tiba berhenti melakukan transaksi pemindahan wang untuk kali keempat dengan baki wang simpanan KWSP berjumlah RM2,000.

"Selepas sedar, saya

terus menghubungi anak memaklumkan perkara itu dan dia bergegas ke bank berkenaan. Anak saya cuba menghubungi semula nombor pegawai

polis terbabit untuk mendapatkan penjelasan, namun gagal apabila taliannya tidak aktif.
"Jujurnya saya kesal

dengan apa yang berlaku kerana merasakan kejadian itu tidak akan terjadi sekiranya saya lebih berhati-hati," katanya.

“Menurut pegawai polis itu, saya akan ditahan dan akaun bank dibekukan”
Rosnah

JUMLAH KES MACAU SCAM 2019 & JANUARI HINGGA OGOS LALU (2020)

TAHUN	JUMLAH KES	KERUGIAN	TANGKAPAN
2019	2,466	RM121 juta	866
2020 (~ Ogos)	1,738	RM128 juta	734

TIGA NEGERI TERTINGGI MEREKODKAN KES MACAU SCAM

SELANGOR

2019 501 kes kerugian RM37 juta	2020 (~ Ogos) 270 kes kerugian RM36 juta
---	--

KUALA LUMPUR

2019 327 kes kerugian RM22 juta	2020 (~ Ogos) 327 kes kerugian RM34 juta
---	--

JOHOR

2019 319 kes kerugian RM12 juta	2020 (~ Ogos) 228 kes kerugian RM14 juta
---	--

